



NAMA CALON


NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**HELAIAN HADAPAN KERTAS JAWAPAN**

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
<b>Bahagian</b>	<b>Soalan</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Markah Diperoleh</b>
<b>A</b>	<b>1</b>	<b>10</b>	
	<b>2</b>	<b>25</b>	
	<b>3</b>	<b>25</b>	
<b>B</b>	<b>4</b>	<b>20</b>	
	<b>5</b>	<b>20</b>	
	<b>6</b>	<b>20</b>	
<b>JUMLAH</b>			

**BAHAGIAN A**  
**[60 markah]**

*Jawab semua soalan*

1. (a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang dipatuhi dalam situasi berikut:

Bil	Situasi	Andaian, prinsip dan batasan perakaunan
i.	Semua belanja prabayar dan belanja belum bayar diambil kira dalam penyediaan Penyata Kewangan Perniagaan Wawasan.	
ii.	Encik Jamal mengambil barang niaga dari kedainya untuk kegunaan keluarga. Perkara ini direkodkan dalam Akaun Ambilan.	

*(2 markah)*

b) Urus niaga berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunan Kedai Roti Azila

Mac 22	Menjelaskan hutang dengan cek RM 2 340 kepada Pemborong Roti Sedap.
--------	---

Rekod urus niaga di atas dalam jadual persamaan perakaunan di bawah:

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik

*(2 markah)*

c) Nyatakan ciri perniagaan tersebut dari segi tanggungan liabiliti.

Milikan Tunggal	Ciri-ciri	Syarikat Sendirian Berhad
	Liabiliti	

*(2 markah)*

d) Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Futsal Parit Simis.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	
	RM
Yuran Ahli	12 800

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Yuran Belum Terima	330	370
Yuran Belum Terperoleh	240	210

Hitungkan yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

(2 markah)

e) Maklumat berikut diperoleh daripada penyata kewangan Perniagaan Gigih.

	RM
Kenderaan	22 000
Inventori	4 350
Akaun Belum Terima	6 300
Bank	13 650
Tunai	1 100
Akaun Belum Bayar	8 400
Modal	24 000
Pinjaman	15 000

Hitung nisbah semasa.

(2 markah)

2. Cik Nayla mengamalkan sistem catatan tunggal dalam penyediaan rekod perakaunannya. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut :

	<b>1 Jan 2020</b>	<b>31 Dis 2020</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Bank	3,850	16,290
Tunai	135	795
Inventori	2,300	2,700
Inventori Alat Tulis	60	50
Akaun Belum Terima	8,450	10,000
Akaun Belum Bayar	4,650	6,600
Kenderaan (kos)	20,000	20,000
Susut Nilai Berkumpul kenderaan	1,500	?
Gaji Belum Bayar	2,350	-
Insurans Prabayar	-	2,450
Pinjaman (matang 31 Disember 2023)	12,000	9,000
Modal	14,295	

Berikut adalah ringkasan Buku Tunai perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	Bank	Tunai
	RM	RM
<b>PENERIMAAN</b>		
Jualan	-	5,500
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	84,500	
Tunai dibankkan	2,500	
<b>PEMBAYARAN</b>		
Belian		900
Gaji	3,000	650
Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar	60,650	
Ambilan	3,200	770
Tunai dibankkan		2,500
Alat Tulis	70	20
Insurans	4,640	
Pinjaman	?	

Maklumat Tambahan:

- i. Faedah atas pinjaman yang dikenakan 8% setahun ke atas baki pinjaman
- ii. Kenderaan yang dibeli mempunyai tempoh usia guna 5 tahun dan nilai skrap RM 500
- iii. Pulangan jualan oleh pelanggan berjumlah RM 750 belum direkodkan dalam buku perniagaan
- iv. Peruntukan Hutang Ragu ialah pada kadar 4% atas baki Akaun Belum Terima terkini
- v. Ambilan barang niaga sepanjang tahun berjumlah RM 120 sebulan belum direkodkan dalam mana-mana buku.

**Anda dikehendaki :**

- (a) menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima *(3 markah)*
- (b) menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 *(12 markah)*
- (c) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 *(10 markah)*

3 . Encik Faizal menjalankan perniagaan Aktif Enterprise yang menjual pakaian sukan di Batu Pahat. Petikkan baki-baki berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Ogos 2020.

	RM
Tunai di bank	6 200
Tunai di tangan	2 090
Tunai Runcit	40
Akaun Belum Terima: Kelab Rekreasi Duta	2 340
Akaun Belum Bayar : Rohan Sdn Bhd	1 360

Dokumen-dokumen berikut menunjukkan urus niaga Aktif Enterprise sepanjang bulan Ogos 2020.

Tarikh	: 1 Ogos 2020	
Penerima	: Kerani akaun	
Kerana	: Tunai Runcit	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	6 200	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	6 200	00
Cek ini	260	00
Baki	5 940	00

No. : 513613

**Keratan Cek- Dokumen 1**

Salinan	No 0994		
<b>BIL TUNAI</b>			
AKTIF ENTERPRISE			
83000 Batu Pahat			
Tarikh : 2 Ogos 2020			
Kepada :			
Jaswant Singh			
Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
Sarung kaki GB	2 pasang	5	10
Track suit	2 pasang	216	432
Jumlah			442
(Ringgit Malaysia : Empat ratus empat puluh dua sahaja)			
Tunai/ No. cek :			
			<i>Faizall</i>
			Pengurus

**Dokumen 2**

**SLIP DAFTAR TUNAI**  
Kedai Alat Tulis Mutiara  
12, Jalan Mutiara,  
83000 Batu Pahat

Tarikh : 3 Ogos 2020

Butiran	Harga Seunit (RM)	Unit	Jumlah (RM)
Pen	2.00	5	10.00
Kertas A4	12.00	2	24.00
Tunai			34.00
Baki			-

Terima kasih

Dokumen 3

Asal No 7044

**BIL TUNAI**  
GALERI SUKAN RIA  
70900 Seremban

Tarikh : 7 Ogos 2020

Kepada :  
Aktif Enterprise

Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
Kemeja T AAA	50 helai	20	1 000
Kemeja T BBB	30 helai	20	600
Track suit	10 pasang	120	1 200
Jumlah			2 800

(Ringgit Malaysia : Dua ribu lapan ratus sahaja)

~~Tunai~~/ No. cek : MBB513614

*Jimmy*  
Pengurus

Dokumen 5

Salinan No: 8384

**RESIT RASMI**  
AKTIF ENTERPRISE  
83000 Batu Pahat

Tarikh : 7 Ogos 2020

Diterima daripada :	Ekins Boutique
Ringgit Malaysia :	Lapan ratus empat puluh sahaja
Bayaran untuk :	Sewa bulan Ogos 2020

**RM840**

~~Tunai~~/ No. cek : PPB005434

*Faizal*  
Pengurus

Dokumen 4

BTR 1002

**BAUCAR TUNAI RUNCIT**  
AKTIF ENTERPRISE  
83000 Batu Pahat

Tarikh : 10 Ogos 2020

Kepada:  
Yanti

Keterangan	Jumlah (RM)
Pinjam Gaji	50.00
Jumlah	50.00

(Ringgit: Lima puluh sahaja)

~~Tunai/ No. Cek:~~

*Yanti* *Faizal*  
Penerima Pengurus

Dokumen 6



Salinan No. : 0385

**RESIT RASMI**  
**AKTIF ENTERPRISE**  
 83000 Batu Pahat

Tarikh : 11 Ogos 2020

Diterima daripada :	Kelab Rekreasi Duta
Ringgit Malaysia :	Dua ribu dua ratus dua puluh tiga sahaja (Diskaun tunai RM117)
Bayaran untuk :	Menjelaskan hutang

RM2 223  
 Tunai/ No. cek : MBB 376019

Faizal  
Pengurus

Dokumen 7

BTR 1001

**BAUCAR TUNAI RUNCIT**  
**AKTIF ENTERPRISE**  
 83000 Batu Pahat

Tarikh : 20 Ogos 2020

Kepada:  
 Durba

Keterangan	Jumlah (RM)
Bayaran upah mencuci pejabat	60.00
Jumlah	60.00

(Ringgit: Enam puluh sahaja)  
 Tunai/ ~~No. Cek~~:

Durba Faizal  
 Penerima Pengurus

Dokumen 9

**SLIP DAFTAR TUNAI**

Kedai Alex  
 45, Jalan Megah,  
 83000 Batu Pahat

Tarikh : 17 Ogos 2020

Butiran	Harga Seunit (RM)	Unit	Jumlah (RM)
Bunga Pejabat	23.00	1	23.00
Pewangi	12.00	1	12.00
Tunai			35.00
Baki			-

Terima kasih

Dokumen 8

Tarikh	: 21 Ogos 2020	
Penerima	: Rohan Sdn Bhd	
Kerana	: Bayaran hutang	

	Ringgit	Sen
Baki akhir	6 203	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	6 203	00
Cek ini	1 000	00
Baki	5 203	00

No. : 513615

Keratan cek - Dokumen 10

**MEMO**

AKTIF ENTERPRISE

Tarikh : 25 Ogos 2020

Peringatan :  
Pemilik telah mengambil wang tunai RM250 untuk bayaran yuran tuisyen anak.

*Faizal*  
Pengurus

Dokumen 11

No 0453

**BAUCER PEMBAYARAN**  
AKTIF ENTERPRISE  
62604 Putrajaya

Tarikh : 30 Ogos 2020

Kepada :  
Yanti

Butir	Jumlah (RM)	Tandatangan
Gaji bulan Ogos	1 050	<i>Yanti</i>
Jumlah	1 050	

(Ringgit Malaysia : Seribu lima puluh sahaja)  
Tunai/ No.cek :

*Faizal*  
Pengurus

Dokumen 12

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Buku Tunai tiga lajur (Gunakan **Lampiran A**) (8 markah)
- (b) Buku Tunai Runcit bagi bulan Ogos 2020 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya. Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pejabat dan Pelbagai.  
(Gunakan **Lampiran B**) (7 markah)
- (c) Pindahkan maklumat di Buku Tunai tiga lajur dan Buku Tunai Runcit di (a) dan (b) ke lejar. (10 markah)

**BAHAGIAN B**

*Pilih dua soalan sahaja*  
[ 40 markah]

- 4 Huzaimi dan Zahira ialah pekongsi dalam Perkongsian Kedai Runcit Huzaimi dan Zahira yang menjalankan perniagaan di Parit Raja, Batu Pahat .

Ikatan perkongsian menetapkan perkara berikut :

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Huzaimi dan Zahira mengikut nisbah 2:1
- (ii) Gaji bulanan Huzaimi RM800 dan Zahira RM400
- (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun
- (iv) Faedah atas modal ialah 5% setahun
- (v) Semua ambilan dikenakan faedah 10 % setahun

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Perkongsian Kedai Runcit Huzaimi dan Zahira pada 31 Ogos 2021.

	<b>Debit</b> <b>RM</b>	<b>Kredit</b> <b>RM</b>
Modal 1 September 2020		
Huzaimi		450 000
Zahira		252 000
Akaun Semasa 1 September 2020		
Huzaimi	70 800	
Zahira		28 000
Ambilan		
Huzaini - 1 Disember 2020	5 000	
Zahira - 1 Mac 2021	4 000	
- 1 Jun 2021	3 000	
Pinjaman daripada Huzaini		60 000
Mesin	66 800	
Premis	600 000	
Bank	72 000	
Untung bersih sebelum pelarasan		90 000
Akaun Belum Terima	79 100	
Akaun Belum Bayar		37 400
Inventori 31 Ogos 2021	16 700	
	917 400	917 400

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Sewa diterima belum terima RM 800
- (ii) Faedah atas pinjaman pekongsi dibayar RM 2 800
- (iii) Belanja membaiki mesin belum bayar RM 2 380
- (iv) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Untung Bersih yang diselaraskan. (5 markah)
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021 (7 markah)
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan) (8 markah)

- 5(b) Puan Zizi ialah pemilik Butik Pengantin Z&Y, sebuah perniagaan membekalkan peralatan perkahwinan di Bandar Batu Pahat, Johor. Beliau dibantu oleh dua orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM 1 300 seorang. Beliau bercadang membuat pinjaman bank RM 60 000 pada bulan Mei 2021 untuk membesarkan perniagaannya. Sebagai syarat untuk kelulusan pinjaman beliau diminta untuk membuat perancangan berkenaan penerimaan dan pembayaran tunai untuk suku kedua tahun 2021.

Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan pada 1 April 2021.

	RM
Tunai di tangan	1 000
Tunai di bank	30 000
Akaun Belum Bayar	10 400
Modal	60 000
Inventori	40 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran untuk 3 bulan adalah seperti berikut :

- i. Anggaran belian

<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>
<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
22 000	40 000	35 000

70% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya secara kredit dengan tempoh kredit selama 1 bulan.

- ii. Jualan alatan perkahwinan pada bulan April dianggarkan RM 40 000 dan dijangka meningkat 8% sebulan daripada bulan sebelumnya pada bulan Mei dan Jun.
- iii. Kelulusan pinjaman bank diperoleh dalam bulan Mei dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik selama 5 tahun bermula pada bulan Jun.
- iv. Pada bulan Mei, seorang lagi pekerja wanita diambil untuk membuat gubahan hantaran dengan gaji RM 1 200 sebulan
- v. Kadar bayaran bulan April dianggarkan RM 320 dan dijangka tetap untuk dua bulan berikutnya.
- vi. Kenderaan yang dibawa masuk pada 1 Januari 2021 disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir

30 Jun 2021.

(14 markah)

- b) Kesilapan-kesilapan berikut telah dijumpai Encik Vivy di dalam buku perakaunannya:
- i. Jualan kredit sebanyak RM 750 kepada Pembekal Oppi telah didebitkan ke dalam akaun Pembekal Oppu
  - ii. Belian alat tulis sebanyak RM 200 telah didebitkan ke dalam akaun Alatan Pejabat
  - iii. Belian tunai sebanyak RM 850 direkodkan sebagai RM 580 ke dalam kedua-dua akaun

**Anda dikehendaki** membetulkan kesilapan-kesilapan di atas ke dalam Jurnal Am.

(abaikan keterangan)

(6 markah)

6. Healthy Juicy Drinks ialah pengeluar minuman kesihatan di Batu Pahat, Johor bercadang untuk mengeluarkan produk baharu berasaskan jus sayur-sayuran dan buah-buahan berjenama Fruitge. Harga jualan satu paket minuman tersebut ialah RM 3.00.

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti berikut:

	RM
Susut nilai mesin	800
Sewa kilang	1 200
Jus sayur-sayuran segar	0.60 / paket
Jus buah-buahan segar	0.60 / paket
Gula	0.20 / paket
Lain-lain bahan	0.20 / paket
Upah langsung	0.90 / paket

**Anda dikehendaki:**

- a) Menghitung:
- (i) Margin caruman seunit (2 markah)
  - (ii) Titik Pulang Modal (2 markah)
- b) Hitung jumlah unit pengeluaran untuk mendapat keuntungan RM 30 000. (2 markah)
- c) Hitung Titik Pulang Modal jika harga jualan seunit meningkat sebanyak 25% tetapi kos berubah seunit tidak berubah. (2 markah)
- d) Nyatakan **dua** kegunaan Titik Pulang Modal. (2 markah)
- e) Berdasarkan **jawapan di (a)**, lukis graf Titik Pulang Modal atas kertas graf dengan menggunakan skala yang sesuai. **Anda perlu menunjukkan:**
- (i) Garisan kos tetap
  - (ii) Garisan jumlah kos
  - (iii) Garisan jumlah hasil
  - (iv) Titik Pulang Modal dalam unit dan RM
  - (v) Lorekkan kawasan untung dan rugi (10 markah)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**





Lampiran B

BUKU TUNAI RUNCIT






